

37 tapak sampah haram dalam radar SWCorp

AYERKEROH – Beberapa lokasi pembuangan sampah haram di negeri ini berjaya dihapuskan menerusi penguatkuasaan berterusan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp) Negeri Melaka.

Pengarahnya, Khairuladha Ab Mutalib berkata, sebanyak 20 lokasi haram berjaya dibanteras pihaknya membolehkan pelbagai lokasi di negeri ini termasuk di kawasan perindustrian dan tanah persendirian.

“Daripada 57 lokasi sampah haram sebelum ini kita telah berjaya mengurangkannya kepada 37 yang mana kita akan terus memastikan tiada lagi aktiviti pembuangan sampah haram kekal berlaku di ka-

wasan panas sekitar Melaka.

“SWCorp menerusi pemantauan berterusan juga telah mengeluarkan lebih 300 notis di negeri ini membabitkan kesalahan membuang sampah di kawasan larangan dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terlibat.

“Selain itu, beberapa kaedah lain telah diambil secara berterusan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pelupusan sisa pepejal iaitu menerusi lebih 200 program dan kempen yang dilaksanakan,” katanya selepas menghadiri Program Jom Plogging@Reforestation anjuran bersama Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ)-SWCorp Bersa-

mamu 2022, di sini, 24 Disember lalu.

Hadir sama pada program itu Yang Dipertua MPHTJ, Datuk Shadan Othman.

Mengulas lanjut, Khairuladha berkata, pengoperasian syarikat kontraktor tidak berlesen merupakan antara punca utama aktiviti pembuangan sisa sampah haram berlaku di negeri ini.

Jelasnya, ia berikutan terdapat beberapa syarikat sanggup mengupah kontraktor tidak berlesen untuk melupuskan sampah di lokasi haram bagi mengelakkan dikenakan bayaran.

“Setakat ini pihak mahkamah sedang menyiapkan kertas siasatan ke atas empat syarikat, anta-

ranya dari sektor pembinaan dan komersial.

“Jika disabitkan kesalahan mereka boleh didakwa di bawah peruntukan un-

dang-undang mengikut Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) dan jika didapati bersalah akan di denda

minimum RM10,000 atau maksimum RM100,000 atau penjara minimum enam bulan atau maksimum lima tahun,” katanya.



KHAIRULADHA bersama Shadan bergambar bersama peserta Jom Plogging @ Reforestation anjuran bersama MPHTJ-SWCorp Bersamamu 2022 di Urban Reforestation Sungai Putat. Foto Iqmal Haqim Rosman

TAMAN PERINDUSTRIAN MERDEKA PERMAI



PEJABAT KEDAI
UNTUK DIJUAL FREE HOLD (BUMI LOT)



PANDANGAN KIRI DAN BELAKANG



PANDANGAN HADAPAN



PANDANGAN SISI

- ✓ 3 UNIT INTERMEDIATE 2 TINGKAT PEJABAT KEDAI
- ✓ **RM530,000.00** PER UNIT
- ✓ TAMAN PERINDUSTRIAN MERDEKA PERMAI, MUKIM BATU BERENDAM, 75250 MELAKA

Sebarang pertanyaan sila hubungi :
06 233 2166 / 016 260 0522

Dimiliki Oleh : Prospect Maxim Sdn. Bhd